

**PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL
CENTER FOR SHAPING ADVANCED AND PROFESSIONAL EDUCATION**

Rujukan : UKM.KPD.BPA.600-6/2/2
Tarikh : 4 April 2025

Semua Pelajar Berdaftar
Semester 2 Sesi Akademik 2024-2025

Saudara/i,

**PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 2
SESI AKADEMIK 2024-2025**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir bagi Program Sarjana Sains Sosial (Pengajian Kepolisian) Semester 2 Sesi Akademik 2024-2025 akan diadakan pada **9 hingga 15 Jun 2025**.

Sehubungan itu, saudara/i dikehendaki membuat pengesahan kursus Semester 2 Sesi Akademik 2024-2025 melalui <https://smplucee.ukm.my/smpe> mulai **21 hingga 27 April 2025**. Dalam paparan di SMPE akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar pada semester ini, saudara/i perlu menekan butang SAH jika semua kursus dipaparkan adalah betul. Semua pelajar **perlu** membuat pengesahan kursus ini untuk memastikan semua kursus yang saudara/i daftarkan telah tersenarai di dalam senarai pendaftaran kursus semasa. Saudara/i yang gagal membuat pengesahan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan **akan dikenakan denda sebanyak RM50.00**.

Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap.

Draf jadual peperiksaan akhir Semester 2 Sesi Akademik 2024-2025 akan dipaparkan di laman web UKMShape bermula 21 April 2025. Sekiranya terdapat percanggahan jadual peperiksaan, saudara/i dikehendaki memaklumkan kepada Unit Peperiksaan dan Pengijazahan UKMShape melalui emel uppsshape@ukm.edu.my **selewat-lewatnya pada 27 April 2025**.

Jadual peperiksaan akhir yang muktamad akan dipaparkan dalam Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) melalui SMPE mulai 19 Mei 2025.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89272111 E-mel: uppsshape@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan penilaian akhir kursus yang didaftarkan pada semester ini berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.


Yang benar,



MAZUNA JAMALUDDIN

Penolong Pendaftar Kanan

Bahagian Pengurusan Akademik



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-89272111 E-mel: upshape@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ukmshape

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my